

02 SEP 2003

Syed Hamid-Afrika Selatan/I

KL, PRETORIA SEPENDAPAT PERLU WUJUD PERPADUAN ANTARA NEGARA SEDANG
MEMBANGUN

PUTRAJAYA, 2 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Afrika Selatan hari ini sependapat bahawa satu-satunya cara untuk membuatkan pandangan negara-negara yang sedang membangun dapat didengar dengan lantang di arena antarabangsa adalah dengan cara mengukuhkan kerjasama di antara negara-negara terbabit.

Kenyataan ini ada kebenarannya, terutama jika merujuk kepada perkara-perkara yang membabitkan perdagangan dan globalisasi di mana negara-negara yang sedang membangun perlu memastikan bahawa sebarang keputusan yang diambil Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tidak merugikan mereka.

Ini merupakan antara isu yang dibincangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

"Kedua-dua pihak bersetuju bahawa kerjasama antara negara-negara Selatan harus membawa hasil dengan merujuk kepada sistem perdagangan yang baru," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada pemberita dalam satu sidang media di sini hari ini.

Pada akhir perbincangan dua hala itu, Kuala Lumpur dan Pretoria mengesahkan hubungan akrab itu dengan menandatangani perjanjian yang dapat mengukuhkan lagi hubungan dalam bidang ekonomi, kebudayaan, sains dan teknologi antara kedua-dua negara.

Syed Hamid berkata kedua-dua pihak turut berbincang mengenai kemungkinan untuk bekerjasama dalam bidang hubungan komunikasi melalui satelit.

Beliau berkata Afrika Selatan juga berminat untuk melihat lebih banyak pelaburan oleh syarikat-syarikat Malaysia di negara itu. Malaysia kini merupakan pelabur luar yang ketiga terbesar di Afrika Selatan.

"Mereka nampak berpuas hati dengan pelaburan sekarang dan bagi pihak kita, kita juga puas hati dengan polisi mereka," kata Syed Hamid.

Beliau berkata Pretoria juga mengakui bahawa ia telah banyak belajar dari Malaysia khususnya dalam bidang ekonomi serta langkah-langkah yang diperlukan untuk menyusun semula masyarakat, terutama dari segi menyediakan lebih banyak peluang-peluang ekonomi kepada rakyat Afrika.

"Oleh itu mereka melihat kita sebagai model untuk kestabilan politik dan pembangunan," katanya.

Afrika Selatan turut mengucapkan terima kasih kepada Malaysia kerana menyediakan latihan kepada rakyatnya dalam bidang telekomunikasi dan industri petroleum.

Syed Hamid berkata kedua-dua negara juga sependapat tentang pentingnya ditingkatkan lagi kekerapan penerbangan antara mereka dan meminta Menteri Pengangkutan negara masing-masing menangani perkara itu.

"Kita telah meminta supaya Afrika Selatan wujudkan perkhidmatan udara ke Malaysia. Penerbangan Malaysia dan South African Airways boleh menimbangkan urusan perkongsian kod penerbangan," katanya.

Penerbangan Malaysia pada masa ini ada membuat penerbangan ke Afrika Selatan, namun tiada syarikat penerbangan dari negara itu yang menyediakan perkhidmatan penerbangan ke sini.

Syed Hamid berkata Kuala Lumpur dan Pretoria juga akan menimbangkan rancangan pertukaran kepakaran dalam memerangi keganasan.

Lawatan tiga hari Mbeki akan berakhir esok.

-- BERNAMA

MAM AZH